

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 MEI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22

Jimat 15 peratus perbelanjaan subsidi

Jimat 15 peratus perbelanjaan subsidi

Dana hasil pelaksanaan subsidi bersasar tumpang kos bina pelbagai infrastruktur

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Kerajaan dijangka berupaya menijmatkan sehingga 15 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan subsidi tahunan menjelang akhir tahun ini menerusi pelaksanaan subsidi bersasar.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata pentadbiran terdahulu sentiasa melihat pelaksanaan subsidi bersasar sebagai sesuatu yang mampu mendangkan kesan besar dari segi politik kerana rakyat sudah biasa menikmati pemberian subsidi yang besar terutama membeli bahan tenaga.

Katanya, Malaysia mempunyai subsidi tenaga yang menyeluruh untuk diesel atau petrol untuk elektrik.

"Bagi pentadbiran ini dalam tempoh enam bulan, kami telah

melancarkan program pensaraan semula subsidi. Sebagai contoh, peralihan sistem subsidi menyeluruh membabitkan elektrik berdasarkan penggunaan kadar tenaga.

"Ia adalah proses yang menyakitkan yang perlu kita lalui kerana kita telah menghentikan subsidi tenaga untuk industri. Jadi industri perlu membayar harga pasaran."

"Sekarang, langkah seterusnya ialah menghentikan pemberian subsidi bagi pengguna domestik dengan penggunaan tenaga yang sangat tinggi dan pada akhir tahun ini, kita akan dapat menijmatkan kira-kira 15 peratus daripada bil subsidi tahunan yang mengambil 25 peratus daripada belanjawan operasi negara setiap tahun," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi ahli panel Forum Ekonomi Qatar di Lusail City, Qatar. Sesi itu dikendalikan oleh Haslinda Amin dari Bloomberg.

Lepasi pertumbuhan 5 peratus
Mengulas lanjut Rafizi berkata, hasil daripada penjimatan itu akan dapat dialihkan ke jaringan keselamatan sosial dan juga akan digunakan untuk membina infrastruktur, terutama dalam sektor dan bidang tumpuan yang kerajaan mahu bangunkan lebih lanjut seperti



Rafizi pada Forum Ekonomi Qatar di Lusail City, Qatar.

ti tenaga boleh diperbaharui, semikonduktor dan digital.

Mengenai sama ada pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi tahun ini mampu mencecah lima peratus, Rafizi berkata, beliau secara berhati-hati optimistik yang negara mampu mencapai angka berkenaan.

"Saya fikir kita akan dapat melepas (pertumbuhan lima peratus ini) dan sekiranya tidak dapat dicapai, ia masih mampu mencecah paras lebih empat peratus.

"Caranya ialah dengan memastikan kita mengalihkan peruntukan (perbelanjaan) negara, jauh daripada subsidi dan meletakkan lebih banyak ke dalam projek infrastruktur kerana kita ingin menggunakan 'kitaran turun' (down cycle) ini, anda tahu, ekonomi global perlukan untuk melakukan semua pelaburan dan memfokus semula ekonomi."

"Ini supaya apabila ia meningkat, kita berada dalam kedudukan untuk meraih faedah."

"Jadi sudah tentu kerajaan kemudiannya perlu mengutamakan semula yang saya fikir dalam satu atau dua tahun akan datang, kita boleh melihat pertumbuhan yang lebih baik dan dijangkakan."

"Jika kerajaan boleh meningkatkan perbelanjaan awam, serta pelaburan jangka panjang dalam sektor pertumbuhan tinggi yang kami mahu fokuskan dan seterusnya mengatasi jangkaan pertumbuhan ekonomi," katanya.